

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN KESIHATAN AWAM SARAWAK

LINA ANAK JEMAT

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
2006



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN  
KESIHATAN AWAM SARAWAK**

**Oleh**

**LINA ANAK JEMAT  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2006**

## PENGESAHAN LAPORAN

### Surat Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Lina Anak Jemat ( UK 9392 ) mengaku bahawa Laporan Industri bagi kursus Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial ( SOS 4299 ) adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berasaskan kepada pengaplikasi teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



---

Nama : LINA ANAK JEMAT

No. Matrik : UK 9392

Tarikh: 14 SEPTEMBER 2006

Disahkan Oleh :



---

ENCIK SYAHRIN BIN SAID,

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Tuhan dengan limpah kurnia dan keizinanNya, saya dapat menjalankan latihan industri dalam keadaan yang selamat dan berjaya menamatkannya pada masa yang ditetapkan. Dalam kesempatan ini saya ingin mengungkapkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada sesiapa yang terlibat dalam usaha saya dari mula menjalankan latihan industri sehinggalah saya dapat menyiapkan laporan akhir latihan industri ini.

Jutaan terima kasih saya kepada Jabatan Ekologi Sosial kerana telah menawarkan latihan industri kepada pelajar Polisi dan Sekitaran Sosial. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Encik Syahrin bin Said selaku penyelaras Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial di atas perancangan beliau dalam menguruskan program industri 2006 bagi pelajar Polisi dan Sekitaran Sosial di bawah Jabatan Ekologi Sosial.

Setinggi penghargaan saya ucapkan sekali lagi kepada Encik Syahrin bin Said selaku penyelia KUSTEM yang telah menyelia saya serta memberi panduan dan tunjuk ajar kepada saya untuk menjalani latihan industri dengan jayanya. Juga ribuan terima kasih saya ucapkan kepada puan Asmawati Ngah selaku urusetia Program Polisi dan Sekitaran Sosial yang telah banyak berkorban masa untuk menguruskan segala surat-menyurat dan mengesahkan tempat bagi saya menjalani latihan di Sarawak.

Jutaan terima saya ucapkan kepada Encik John Awam selaku Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (KASKA) kerana telah menerima saya menjalani latihan industri di Kementerian ini. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia industri KASKA, Encik Henry Jalin Watt dan penyelia industri kedua Encik Henerry Kran kerana memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang menjalani latihan industri di KASKA ini. Segala tunjuk dan pengalaman yang telah dipelajari daripada mereka akan saya gunakan sebaiknya. Juga kepada kakitangan-kakitangan yang lain turut membantu secara langsung atau tidak langsung, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan dan tunjuk ajar yang telah kalian semua berikan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Encik Anuar Zainuddin serta keluarga kerana telah menjaga makan minum dan penginapan kepada saya sepanjang menjalani latihan industri ini. Semua jasa anda sekeluarga tidak mungkin saya lupakan begitu sahaja. Kepada keluarga yang tercinta dan Puan Ibin Musa sekeluarga saya ucapkan terima kasih kerana telah memberikan galakan dan sokong serta semangat kepada saya untuk terus berusaha sehingga berjaya.

Akhir sekali saya ingin menyusun sepuluh jari dan memohon maaf kepada semua pihak terutama sekali di Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam sekiranya terdapat kesilapan dan terkasar bahasa semasa saya menjalani latihan industri.

Jasa dan pengorbanan kalian amat saya hargai, pengalaman yang saya perolehi adalah hasil daripada bantuan tuan-puan semua. Semoga segala tugas yang diberikan akan memberikan pengalaman kepada saya untuk menghadapi cabaran dalam pekerjaan kelak.

Sekian terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

<b>Pengesahan Laporan</b>	iii
<b>Penghargaan</b>	iv
<b>Senarai singkatan</b>	ix
<b>Senarai rajah</b>	x
<b>Senarai jadual</b>	x
<b>Ringkasan Eksekutif</b>	xi

### **BAB 1**

#### **Pengenalan**

1.1 Latar Belakang Organisasi	1
1.1.1 Sejarah penubuhan Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (KASKA)	3
1.1.2 PBT di bawah KASKA	
1.1.3 Fungsi, peranan dan tanggungjawab kementerian	10
1.1.4 Akta di bawah bidangkuasa kementerian	11
1.1.5 Visi	12
1.1.6 Misi	13
1.1.7 Slogan KASKA	13
1.1.8 Dasar Kualiti KASKA	14
1.1.9 Objektif Kualiti	14
1.1.10 Piagam Pelanggan	15
1.1.11 Nilai-nilai murni KASKA	16
1.2 Maklumat Organisasi	16
1.3 Carta Organisasi	19
1.3.1 Struktur Organisasi	20
1.3.2 Fungsi setiap unit organisasi KASKA	20
1.4 Isu-isu semasa	30
1.5 Aktiviti organisasi	32
1.6 Kemahiran yang dipelajari	48
1.7 Kemahiran dan pengalaman yang telah dipelajari	51



## **BAB 2**

### **MENGENALPASTI SISTEM SEDIA ADA**

2.1 Pengenalan	55
2.2 Analisis sistem kerja yang ada	56
2.2.1 Sistem Pelaksanaan Tender (Peruntukan Kerajaan Persekutuan)	56
2.2.2 Masalah yang dikenalpasti dalam Sistem Pelaksanaan Tender	59
2.2.3 Cadangan penyelesaian masalah Sistem Pelaksanaan Tender	60
2.3.1 Sistem Pengagihan Peruntukan untuk projek (Dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan)	60
2.3.2 Masalah yang dikenalpasti dalam Sistem Pengagihan Peruntukan	62
2.3.3 Cadangan penyelesaian masalah Sistem Pengagihan Peruntukan	63
2.4.1 Sistem Pembukaan dan Pendaftaran Fail	63
2.4.2 Masalah yang dikenalpasti dalam Sistem Pembukaan dan Pendaftaran Fail	65
2.4.3 Cadangan penyelesaian masalah Sistem Pembukaan dan Pendaftaran Fail	65
2.5 Analisis masalah dan perbincangan keseluruhan penemuan	66
2.6 Cadangan lain untuk organisasi	67
<b>BAB 3</b>	
<b>KESIMPULAN</b>	68
<b>BIBLIOGRAFI</b>	71
<b>LAMPIRAN</b>	72

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>KUSTEM</b>	<b>: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia</b>
<b>FPE</b>	<b>: Fakulti Pengurusan Ekonomi</b>
<b>LI</b>	<b>: Latihan Industri</b>
<b>KASKA</b>	<b>: Kementerian Alam Sekitaran dan Kesihatan Awam</b>
<b>NREB</b>	<b>: Natural Resource Environment Board</b>
<b>L.A</b>	<b>: Local Authority</b>
<b>PBT</b>	<b>: Pihak Berkuasa Tempatan</b>
<b>JKM</b>	<b>: Jabatan Ketua Menteri</b>
<b>KPKT</b>	<b>: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</b>
<b>BDA</b>	<b>: Board Development Bintulu</b>
<b>MBKS</b>	<b>: Majlis Bandaraya Kuching Selatan</b>
<b>DBKU</b>	<b>: Dewan Bandaraya Kuching Utara</b>

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1 Peta yang menunjukkan kedudukan PBT di seluruh Sarawak	9
Rajah 1.2 Carta yang menunjukkan nilai-nilai murni Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam	16
Rajah 1.3 Menunjukkan contoh gambar halaman cantik	37
Rajah 1.4 Menunjukkan contoh gambar kawasan Kempen Tanam Pokok	42
Rajah 2.1 Carta menunjukkan Aliran Sistem Pelaksanaan Tender Peruntukan Persekutuan	58
Rajah 2.2 Carta yang menunjukkan Aliran Sistem Pengagihan Peruntukan	61
Rajah 2.3 Carta yang menunjukkan Aliran Sistem Pembukaan dan Pendaftaran Fail	64

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1 Menunjukkan bilangan pokok bunga raya ditanam	39
--	----

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Latihan Industri (LI) merupakan satu latihan atau pendedahan yang diatur dan dikendalikan oleh pihak Universiti kepada pelajar untuk merasai persekitaran kerja yang sebenar di samping menimba pengalaman dan mempraktikkan apa yang telah dipelajari di Universiti. LI adalah satu program atau kursus wajib iaitu SOS 4299 yang perlu dipenuhi atau diambil oleh setiap pelajar Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. LI ini diadakan pada cuti semester empat yang dijalani selama 12 minggu bermula 17 April sehingga 9 Julai 2006 di agensi yang telah dipilih oleh pelajar dan setelah dipersetujui oleh Penyelia KUSTEM. Sepanjang menjalani Latihan Industri, pelatih perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan juga pelatih tertakluk kepada peraturan pihak organisasi di mana tempat menjalani LI iaitu Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak. Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (KASKA) adalah sebuah organisasi kerajaan yang sesuai untuk melatih program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial bagi mendapatkan pengalaman, menimba ilmu pengetahuan dan pendedahan persekitaran kerja sebenar. LI yang telah dijalankan di Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam memberi pengetahuan dan pengalaman yang sangat berguna kepada pelatih. Hal ini kerana Kementerian ini mempunyai dasar yang ingin dicapai dan sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab untuk merancang, membuat polisi, mentadbir, mengkoordinasikan pengurusan alam sekitar, perkhidmatan perbandaran dan kesihatan awam seluruh Sarawak. Bahagian-bahagian yang terdapat di dalam Kementerian ini sangat berkait rapat dengan Program Polisi dan Sekitaran Sosial sebagai pentadbir sesuatu polisi. Selama menjalani LI di KASKA, pelatih telah ditempatkan di tiga unit/bahagian daripada sembilan unit/bahagian yang terdapat di KASKA. Unit-unit tersebut adalah unit Pentadbiran dan Akaun, unit Pembangunan dan Landskap, dan juga unit Perundangan. Unit-unit yang lain adalah seperti unit Sumber Manusia, unit Kesihatan Awam, unit Inspektorat, unit Penilaian dan Kadaran, unit Alam

Sekitar dan unit Perpustakaan. Unit Perpustakaan ini mempunyai bangunan yang berasingan iaitu terletak di tengah bandaraya Kuching. Namun begitu, pelatih telah diberi penerangan yang jelas tentang kesemua peranan sembilan unit ini. Tugas-tugas yang diberikan oleh tiga unit ini telah disiapkan dengan sempurna oleh pelatih. Di samping itu pelatih telah memperolehi pengalaman yang berharga daripada setiap unit ini akan dijadikan panduan dan pengetahuan kepada pelatih sebagai persediaan menuju ke alam pekerjaan yang sebenar apabila telah bergraduat nanti. Hasil daripada latihan industri di Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam telah membolehkan pelatih mempunyai pengalaman dalam menganalisis masalah yang wujud di Kementerian. Cadangan-cadangan penyelesaian yang difikirkan relevan telah dikemukakan oleh pelatih pada bab dua dan diharap cadangan ini dapat digunakan sebagai panduan oleh pegawai-pegawai di Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam bagi memperbaiki sistem yang sedia ada. Semoga cadangan yang dikemukakan ini diharapkan dapat meningkatkan kecemerlangan dan peningkatan produktiviti perkhidmatan di Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam.